

JAWAPAN

TEMA
14

Ekonomi Mapan, Negara Makmur

PBD Kemahiran Mendengar dan Bertutur

Selamat pagi, Cikgu Fadilah dan rakan-rakan sekalian. Saya bersetuju dengan saranan agar Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah-sekolah di bandar mengumpulkan dana sendiri. Hal ini dapat menambahkan sumber kewangan mereka bagi menjayakan pelbagai aktiviti di luar dan di dalam sekolah untuk kemajuan dan pembangunan sekolah masing-masing. Selain itu, inisiatif pihak PIBG dalam mencari dana sendiri membolehkan kerajaan memfokuskan peruntukan kepada sekolah yang lebih memerlukan peruntukan kewangan, terutama sekolah-sekolah di luar bandar. Pada pendapat saya, aktiviti-aktiviti lain yang dapat dilakukan oleh pihak sekolah untuk mengumpulkan dana ialah penubuhan alumni, konsert amal, festival makanan dan permainan tradisional, dan sebagainya.

PBD Kemahiran Membaca

1. Sesetengah peniaga menaikkan dan memanipulasikan harga barangan.
2. Pengguna harus merancang pembelian barangan.
3. Pengguna haruslah membeli barang mengikut keperluan dan merancang masa, tempat, dan kuantiti barang yang hendak dibeli.
4. Pengguna hendaklah memulaukan peniaga yang memanipulasikan harga barang.

5. Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hendaklah mengadakan pemantauan yang kerap dan mengambil tindakan yang sewajarnya kepada peniaga yang menaikkan harga barang.
6. Media massa menyiarkan kegiatan peniaga yang tidak beretika dan aduan pengguna.

PBD Kemahiran Menulis

Amalan menabung wang ialah amalan yang mulia dan amat digalakkan. Pelbagai faedah diperoleh daripada amalan menyimpan wang di bank.

Pertama, wang yang disimpan di bank dapat digunakan pada masa hadapan, terutama sewaktu menghadapi kecemasan atau tragedi yang tidak dijangka. Antara kegunaannya adalah ketika kehilangan harta benda atau menghadapi kecederaan akibat ditimpa kemalangan, kebakaran, banjir, dan sebagainya.

Kedua, kita dapat mengelakkan sikap suka berhutang apabila menghadapi masalah kewangan sekiranya kita mempunyai simpanan wang di bank. Wang ini dapat kita gunakan untuk menyambung pelajaran pada masa akan datang. Secara tidak langsung, kita dapat mengelak daripada berhutang kepada pihak tertentu untuk membiayai pengajian kita.

Seterusnya, amalan menyimpan wang di bank memupuk nilai murni berjimat cermat dalam diri kita. Kita tidak mudah mengeluarkan wang untuk perkara yang membazir dan tidak perlu, sebaliknya merancang perbelanjaan harian kita agar wang kita dapat disimpan.

Kesimpulannya, amalan menabung wang di bank perlu dipupuk sejak kecil supaya menjadi budaya hidup kita. Tabungan kita semakin banyak sekiranya kita menyimpan wang setiap bulan di bank, bak kata pepatah, berdikit-dikit, lama-lama menjadi bukit.